

0847

U B699 DEB  
UMNO

KUALA LUMPUR, 27 MAC (BERNAMA) -- SOAL SAMA ADA RANCANGAN PENGEMBANGAN UMNO KE SABAH AKAN DITERUSKAN ATAU TIDAK DIJANGKA MENJADI PERBINCANGAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI (MT) UMNO MALAM ESOK.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA BARU-BARU INI, PRESIDEN PARTI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBAYANGKAN KEMUNGKINAN SOAL ITU DIBANGKITKAN.

PERDANA MENTERI KETIKA DITANYA MENGENAI SOAL KEMASUKAN UMNO KE SABAH BERKATA BELIAU TIDAK BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN SENDIRI KERANA SOAL ITU DIPUTUSKAN OLEH MT DAN SAMA ADA RANCANGAN ITU AKAN DITERUSKAN ATAU TIDAK TERPULANG KEPADA MT SENDIRI MENENTUKANNYA.

SOAL PEMBATALAN KEMASUKAN UMNO KE SABAH ITU TIMBUL EKORAN KENYATAAN PRESIDEN USNO TUN DATU MUSTAPHA DATU HARUN BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR +BERBETUJU PADA DABARNYA+ UNTUK MEMBATALKAN RANCANGAN ITU.

KEPUTUSAN ITU DIKATAKAN DICAPAI SEMASA TUN DATU MUSTAPHA MENEMUI DATUK SERI DR MAHATHIR DI KUALA LUMPUR BERHUBUNG DENGAN SOAL PILIHAN RAYA KECIL KERUSI DEWAN NEGERI USUKAN DAN PARLIMEN LIMBAWANG. == LAGI  
1723MBT 27 03 87

U B700 DEB  
UMNO @ KUALA LUMPUR

KEMASUKAN UMNO KE SABAH DIRANCANG EKORAN PENGUMUMAN PERLETAKAN JAWATAN TUN DATU MUSTAPHA SELAKU PRESIDEN USNO.

PADA MASA ITU, GETIAUSAHA AGUNG USNO, ALLAHYARHAM DATU HAMID TUN DATU MUSTAPHA DIKIRA SEBAGAI SALAH SEORANG TOKOH UTAMA USNO YANG MEMPELOPORI RANCANGAN KEMASUKAN UMNO KE SABAH.

ALLAHYARHAM YANG JUGA ANGGOTA DEWAN NEGERI USUKAN DAN ANGGOTA PARLIMEN LIMBAWANG BAGAIMANAPUN MENINGGAL DUNIA KERANA SAKIT JANTUNG SEBELUM RANCANGAN ITU MENCAPAI KEJAYAAN.

PADA AWAL PENGUMUMAN RANCANGAN PENGEMBANGAN UMNO KE SABAH MENGHADAPI BEBERAPA MASALAH SEPERTI KEANGGOTAAN ANGGOTA USNO SECARA AUTOMATIK KE DALAM UMNO DAN SOAL TEMPOH KEANGGOTAAN DALAM USNO DIKIRA SEBAGAI TEMPOH KEANGGOTAAN DALAM UMNO.

BAHKAN BEBERAPA ANGGOTA MT SENDIRI AGAK RAGU-RAGU MENGENAI RANCANGAN PENGEMBANGAN BAYAP UMNO KE SABAH ITU.

SELAIN DARIPADA SOAL UMNO SABAH ITU, MT DIJANGKA TIDAK AKAN MEMBINCANGKAN DENGAN PANJANG LEBAR MENGENAI SOAL PENGUNDIAN ATAU PEMILIHAN JAWATAN MAJLIS TERTINGGI PADA PERHIMPUNAN AGUNG PARTI YANG BERMULA 24 APRIL INI. == BERNAMA  
1725MBT 27 03 87